

Seruan Istito'ah

Pelan Persediaan Haji

• T1: Tabung 1 (Tabung Am) • T2: Tabung 2 (Tabung Istito'ah)

BH 1 Saya TELAH DAFTAR HAJI

RM1,300 daripada simpanan sedia ada anda yang sebelum ini diperuntukkan untuk pendaftaran haji akan dipindahkan ke **Tabung Istito'ah**, manakala baki simpanan akan kekal di **Tabung Am**.



RM1,300



Tabung Am

Tabung Istito'ah

Anda diberikan tempoh peralihan sehingga **31 Disember 2028** untuk memastikan **jumlah keseluruhan simpanan anda di Tabung Am dan Tabung Istito'ah** mencapai **minimum RM15,000** bagi mengekalkan giliran haji sedia ada.



RM15,000



Tabung Am

Tabung Istito'ah

Giliran haji akan diselaraskan bermula **1 Januari 2029** berdasarkan pematuhan syarat simpanan minimum RM15,000.

BH 2 Saya TELAH DAFTAR HAJI melalui KWSP

RM5 daripada simpanan sedia ada anda akan dipindahkan ke **Tabung Istito'ah**, manakala baki simpanan akan kekal di **Tabung Am**.



RM5



Tabung Am

Tabung Istito'ah

Anda diberikan tempoh peralihan sehingga **31 Disember 2028** untuk memastikan **jumlah keseluruhan simpanan anda di Tabung Am dan Tabung Istito'ah** mencapai minimum **RM15,000** bagi mengekalkan giliran haji sedia ada.



RM15,000



Tabung Am

Tabung Istito'ah

Giliran haji akan diselaraskan bermula **1 Januari 2029** berdasarkan pematuhan syarat simpanan minimum RM15,000.

BH 3 Saya BELUM DAFTAR HAJI dan SIMPANAN MELEBIHI RM15,000

Pastikan **jumlah keseluruhan simpanan anda di Tabung Am dan Tabung Istito'ah** kekal minimum **RM15,000** dalam tempoh satu (1) bulan untuk melayakkan anda menerima **Kelayakan Giliran Haji Automatik**.



RM14,995



Tabung Am

Tabung Istito'ah

Setelah memenuhi syarat yang dinyatakan di atas, sejumlah **RM14,995** akan dipindahkan ke **Tabung Istito'ah** pada bulan berikutnya, manakala baki simpanan akan kekal di **Tabung Am**.

Anda akan menerima **Kelayakan Giliran Haji Automatik** tanpa perlu membuat pendaftaran haji secara manual. Untuk mengekalkan kelayakan ini, pastikan minimum **RM14,995** berada di **Tabung Istito'ah** pada setiap masa.



Tabung Istito'ah
RM14,995

Giliran haji akan diselaraskan bermula **1 Januari 2029** berdasarkan pematuhan syarat simpanan minimum di **Tabung Istito'ah**.

**Nota: Syarat simpanan minimum RM15,000 merangkumi RM14,995 di Tabung Istito'ah dan RM5 yang kekal di Tabung Am.*

BH 4 Saya BELUM DAFTAR HAJI dan SIMPANAN BELUM MENCAPAI RM15,000

Teruskan menyimpan sehingga **jumlah keseluruhan simpanan anda di Tabung Am dan Tabung Istito'ah** mencapai minimum **RM15,000**. Kekalkan simpanan tersebut dalam tempoh satu (1) bulan untuk melayakkan anda menerima **Kelayakan Giliran Haji Automatik**.



RM14,995



Tabung Am

Tabung Istito'ah

Setelah memenuhi syarat yang dinyatakan di atas, sejumlah **RM14,995** akan dipindahkan ke **Tabung Istito'ah** pada bulan berikutnya, manakala baki simpanan akan kekal di **Tabung Am**.

Anda akan menerima **Kelayakan Giliran Haji Automatik** tanpa perlu membuat pendaftaran haji secara manual. Untuk mengekalkan kelayakan ini, pastikan minimum **RM14,995** berada di **Tabung Istito'ah** pada setiap masa.



Tabung Istito'ah
RM14,995

Giliran haji akan diselaraskan bermula **1 Januari 2029** berdasarkan pematuhan syarat simpanan minimum di **Tabung Istito'ah**.

**Nota: Syarat simpanan minimum RM15,000 merangkumi RM14,995 di Tabung Istito'ah dan RM5 yang kekal di Tabung Am.*

ALUMNI HAJI Saya TELAH MENUNAIKAN HAJI

Anda tidak termasuk dalam **Kelayakan Giliran Haji Automatik** kerana telah menunaikan haji.

Teruskan menyimpan dan nikmati manfaat simpanan bersama **TH**.



Tabung Am

Tabung Am
Untuk urusan simpanan dan pengeluaran seperti biasa.

Tabung Istito'ah
boleh dimanfaatkan sebagai tabung simpanan jangka panjang bagi pelbagai matlamat kewangan seperti persediaan persaraan, pewarisan atau keperluan kewangan peribadi.

Pengeluaran daripada **Tabung Istito'ah** perlu dipindahkan terlebih dahulu ke **Tabung Am**, dengan proses pindahan yang tertakluk kepada tempoh **T+10** hari.



Tabung Am



Tabung Istito'ah